

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(B)55**

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK  
YB LEE KHAI LOON**

55. *Penang Tree Inventory System (PeTIS).*

- (a) Terangkan keberkesanan PeTIS dalam memelihara serta menyelenggara pokok-pokok besar di tepi jalan dan tempat awam.
- (b) Terangkan status terkini tentang persediaan MBSP dalam usaha membangunkan sistem pengurusan inventori pokok.
- (c) Bagaimanakah Kerajaan Tempatan memastikan perkhidmatan arborist diguna pakai dalam penyelenggaraan dan mitigasi pokok tumbang?

**YB H'NG MOOI LYE  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

55. (a) *Penang Tree Inventory System (PeTIS)* adalah sebuah platform yang telah dibangunkan oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) bagi menyimpan data inventori pokok dalam satu pangkalan data secara lebih sistematik dan selamat. Sistem ini membantu dalam pengurusan pokok terutamanya dalam konteks perintah pemertanian pokok dan pemantauan pokok yang lebih efektif. Melalui sistem ini juga, pihak MBPP dapat mengenal pasti koordinat spesies

pokok yang berpotensi besar untuk patah/tumbang dan seterusnya tindakan secara bersasar dan segera dapat diambil.

Setakat ini, sebanyak 15,848 batang pokok telah didaftarkan dalam sistem ini. Inventori pokok dibuat pada pokok tepian jalan dan tanah lapang yang mempunyai ukur lilit 0.8 meter dan ke atas. Maklumat-maklumat seperti jenis pokok, bilangan pokok, lokasi dan kedudukan pokok, saiz pokok, status kesihatan semasa pokok serta keperluan penyelenggaraan untuk setiap pokok dapat direkodkan dalam sistem ini. Maklumat inventori pokok yang telah dilaksanakan oleh pihak MBPP mengikut tahun adalah seperti jadual berikut:

<b>Tahun</b>	<b>Lokasi</b>	<b>Bilangan Inventori Pokok</b>
2013	Jalan Kelawai dan Jalan Macalister	255
2014/2015	17 Jalan Utama	1,884
2016	37 Jalan Utama dan Sekunder	2,060
2017/2018	Jalan Sekunder, Zon Perindustrian Bebas (FIZ) dan Bukan-FIZ	6,000
2019/2020	Tanah Lapang MBPP	4,000
2022	Jalan Sultan Azlan Shah dan Jalan Mahsuri	1,649
<b>JUMLAH INVENTORI</b>		<b>15,848</b>

Kerja-kerja inventori pokok ini akan diteruskan ke seluruh kawasan pentadbiran MBPP dan dianggarkan sebanyak 40,000 batang pokok akan didaftarkan.

- (b) Status terkini persediaan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) dalam usaha membangunkan Sistem Inventori Pokok adalah dengan mewujudkan satu unit khas bagi memantau, memeriksa dan merekodkan keadaan semua pokok ameniti di bawah selenggaraan MBSP di seluruh Seberang Perai termasuk di jalan negeri, jalan persekutuan dan jalan bandaran. Sebanyak 96,586 batang pokok ameniti telah dicatatkan dan dibuat pemeriksaan bermula pada tahun 2020 sehingga tahun 2024 melibatkan kawasan selenggaraan MBSP.
- (c) Kerajaan Tempatan memastikan perkhidmatan arboris (*arborist*) diguna pakai dalam penyelenggaraan dan mitigasi pokok tumbang seperti berikut:
  - (i) Mewajibkan perkhidmatan arboris (*arborist*) dalam setiap sebut harga atau tender bagi kerja-kerja penyelenggaraan pokok. Arboris (*Arborist*) adalah individu yang mempunyai kepakaran serta kemahiran dalam bidang landskap, hortikultur dan arborikultur yang diiktiraf bagi menyelia dan memantau

pelaksanaan perkhidmatan penyelenggaraan yang dijalankan;  
dan

- (ii) Membuat pemantauan dan pemeriksaan pokok ameniti melalui kontraktor Sistem Maklumat Rekod-Rekod Jalan Raya Malaysia (MARRIS) dan secara dalaman oleh Jabatan Landskap dilaksanakan melalui borang *Visual Tree Assessment* (VTA) atau borang penilaian awalan pokok ameniti dan borang pemeriksaan tumbuhan.